

Jadikan Malaysia negara bermaruah

BH - 6 APR 1989

②

KUALA LUMPUR, Rabu — Yang di-Pertuan Agong malam ini menyeru rakyat supaya menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara yang bermaruah dan disanjung oleh masyarakat dunia.

Rakyat daripada semua peringkat hendaklah memberi sumbangan bagi mencapai cita-cita mulia ini, titah Seri Paduka di majlis perpisahan rasmi oleh Kerajaan Persekutuan di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini.

“Asas penting yang boleh diberi adalah dengan menjaga perpaduan negara, iaitu menjaga hubungan rapat sesama sendiri dan bekerjasama bagi manfaat

jangka panjang.” titah Seri Paduka.

“Di samping itu, setiap rakyat negara ini mestilah bekerja kuat, bersungguh-sungguh dan beramanah bagi kesejahteraan diri sendiri, keluarga, masyarakat dan negara.” titah Seri Paduka.

Seri Paduka berharap setiap rakyat akan mendukung cita-cita murni itu.

Seri Paduka iana bertitah bahawa Malaysia berjaya dibangunkan dalam semua bidang termasuk ekonomi, sosial dan keselamatan dan yakin negara akan membangun dengan lebih pesat pada masa akan datang.

“Ketika kita dimasyhorkan

lima tahun yang lalu, negara kita sedang menghadapi kesan kemelesetan ekonomi. Alhamdulillah kita bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wataala. kerana sekarang ini kita berjaya memajukan negara dengan jayanya dalam semua bidang,” titah Seri Paduka.

Memulihkan

Seri Paduka juga mengucapkan terima kasih dan gembira di atas kerjasama rapat dan taat setia yang diberi oleh pihak kerajaan dan rakyat sepanjang tempoh Seri Paduka menjalankan tugas sebagai Yang di-Pertuan Agong.

Seri Paduka berharap negara dan rakyat seluruhnya akan sentiasa berada dalam keadaan aman, makmur dan sejahtera serta diberi taufik dan hidayah dalam segala usaha untuk meningkatkan lagi pembangunan negara.

Dalam ucapannya, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pula menegaskan bahawa pemerintahan Seri Paduka berjaya meningkatkan kemajuan negara di pelbagai bidang, termasuk ekonomi, sosial dan pendidikan.

Menurutnya, kerajaan juga berjaya memulihkan ekonomi walaupun pada awal penggal pemerintahan Seri Paduka, negara

mengalami kesan kemelesetan ekonomi dunia.

“Bahkan, negara berjaya maju dengan kadar yang sangat membanggakan,” katanya.

Menurutnya, negara sewaktu di bawah Seri Paduka, juga meningkatkan fungsinya di peringkat antarabangsa, termasuk usaha membanteras penyalahgunaan dadah dan dipilih menduduki kerusi Majlis Keselamatan Bangsa-Bangsa Bersatu.

“Di bawah naungan Tuanku, Malaysia juga buat julung kalinya dipilih menjadi tuan rumah Persidangan Ketua-Ketua Kerajaan Komanwel (CHOGM) pada penghujung tahun ini.

Lihat muka 2 ruang 4

Rakyat turut- bangga kebolehan Seri Paduka: PM

● Dari muka 1

“Pada masa yang sama Malaysia turut dipilih mempengerusikan Kumpulan 77 Persidangan Bangsa-Bangsa Bersatu Mengenal Perdagangan dan Pembangunan (UNCTAD),” katanya.

Mengenai seruan Seri Paduka supaya rakyat mengetepikan kepentingan diri dan sebaliknya menumpukan tenaga membangunkan negara, Datuk Seri Dr Mahathir berkata, kerajaan dan rakyat menyanjung tinggi seruan itu serta akan terus menghayatinya.

Beliau berterima kasih kepada Seri Paduka yang memberi panduan dan galakan kepada beliau dan anggota kerajaan mentadbirkan negara.

Katanya, rakyat turut bangga dengan kebolehan Seri Paduka dalam pelbagai bidang, termasuk memandu helikopter dan kapal terbang serta menyertai sukan papan layar.

“Patik semua sanaat bangga dengan kebolehan Tuanku bermain golf dan patik mengambil kesempatan mengucapkan tahniah kerana kemenangan Tuanku di pertandingan golf jempunan yang diadakan di Seremban Mac lalu.” katanya.

Katanya, keyakinan diri yang ditunjukkan oleh Seri Paduka memberi panduan kepada rakyat, bukan sahaja untuk menjaga kesejahteraan diri tetapi juga memperjuangkan kepentingan dan masa depan masyarakat.

Menurut Datuk Seri Dr Mahathir, kerajaan juga menghargai keupayaan Seri Paduka memberi khutbah Jumaat dan sumbangan kewangan kepada tabung amal di samping menggalakkan rakyat membatikan diri dalam kerja kebajikan.

“Teladan yang ditunjukkan oleh Tuanku akan menjadi unsur penggalak yang akan meningkatkan bilangan dermawan di kalangan rakyat Malaysia,” katanya.

Datuk Seri Dr Mahathir turut mendoakan keamanan dan kemakmuran Negeri Johor menjelang keberangkatan pulang Seri Paduka serta berharap Seri Paduka terus bergiat dalam bidang yang diminati.